

21 JUN 1998

UMNO-Gulung (Sanusi)

SANUSI DEDAHKAN KOMPLOT JATUHKAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Jun (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi UMNO Tan Sri Sanusi Junid hari ini berkata ada golongan tertentu dalam UMNO yang berkomplot mahu menjatuhkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menteri Besar Kedah itu mengingatkan ahli UMNO supaya jangan mudah masuk perangkap golongan berkenaan yang katanya bercita-cita besar memegang jawatan penting dalam kerajaan dan parti.

Beliau mendedahkan komplot itu semasa berucap menggulung perbahasan pada hari terakhir perhimpunan agung parti itu di sini. Lazimnya seorang menteri besar tidak mengambil bahagian tetapi Sanusi meminta diberi peluang.

Katanya dia mendapat maklumat tentang usaha itu daripada seorang pemimpin keturunan India semasa menghadiri mesyuarat Majlis Tanah Negara di Ipoh awal bulan ini.

Sanusi berkata pemimpin India itu telah menyampaikan lima maklumat yang diperolehinya dari seorang pemimpin Melayu iaitu kononnya:

Majoriti ketua bahagian UMNO tidak suka kepada Presiden; sebanyak 30 ahli Parlimen akan berjumpa Dr Mahathir meminta beliau meletakkan jawatan; ada susunan gerakan pelajar di Malaysia yang mahu mendesak Dr Mahathir meletakkan jawatan dan;

Seorang pemimpin negara jiran yang tidak menyukai Dr Mahathir telah meminta seorang pemimpin negara ini supaya menjatuhkan Dr Mahathir.

Sanusi meminta Dr Mahathir dan Anwar agar memanggil pemimpin Melayu berkenaan untuk bertanya mengenai hal itu.

Beliau berkata golongan itu mahu menjatuhkan Dr Mahathir kerana mereka tidak mahu Anwar mewarisi kepimpinan negara secara aman.

Mereka percaya Anwar akan meneruskan agenda pembangunan negara yang ditinggalkan Dr Mahathir yang berasaskan Islam yang memang dibenci oleh Barat.

"Mereka mahu Dr Mahathir pergi secara terhina. Jenis saya ini tak akan benarkan Dr Mahathir pergi secara terhina," katanya.

Sanusi berkata golongan itu mahu Dr Mahathir pergi secara terhina kerana dengan ini mereka boleh mendapat jawatan termasuk sebagai Menteri Besar dan Menteri.

Sanusi berkata beliau akan mempertahankan Dr Mahathir dan juga Anwar daripada dijatuhkan oleh golongan itu yang kecewa kerana tidak mendapat tempat.

--BERNAMA

MT oba